

TARIKH	2 / 9 / 2016	SEKSYEN	Mega Mimbarnya
MUKA SURAT	22.	RUANGAN	



MIZAB

Titik utama dalam ibadah solat umat Islam

kesenian islam

Oleh ROS MAHWATI
 AHMAD ZAKARIA
 rosmahwati@ukm.edu.my

KAABAH merupakan satu binaan ringkas yang menjadi titik utama dalam ibadah solat umat Islam seluruh dunia. Perkataan Kaabah juga amat sinonim dengan beberapa perkara seperti Islam, arah kiblat, solat, Mekah dan haji. Ia merupakan satu binaan yang dikaitkan dengan agama Islam sejak dari zaman Nabi Ibrahim a.s. sehingga ke zaman rasul

terakhir dalam Islam iaitu Nabi Muhammad SAW.

Pelbagai jenis bahan dan teknik digunakan di sepanjang sejarahnya. Kaabah pernah rosak dan runtuh dalam bencana banjir, kebakaran serta beberapa pertempuran sebelum mahupun selepas kedatangan Islam.

Ketika peristiwa penting dalam sejarah Islam iaitu pembukaan Mekah pada tahun 629 Masihi/8 Hijrah, Nabi Muhammad

KAABAH
 Dikaitkan dengan Islam sejak zaman Nabi Ibrahim a.s. sehingga ke zaman rasul terakhir dalam Islam, Nabi Muhammad SAW.

Pemah rosak dan runtuh dalam bencana banjir, kebakaran serta beberapa pertempuran sebelum dan selepas kedatangan Islam.

Pada zaman dahulu pintu Kaabah diperbuat daripada kayu. Kini daripada kayu bersalut emas tulen seberat 50 kilogram.


Bahagian dalamnya dibersihkan dua kali setahun pada Ramadan dan Muharam oleh ahli keluarga pemerintah Mekah.

Secara am berbentuk kubus, mempunyai beberapa bahagian utama iaitu empat dinding yang rata, bumbung yang rata tetapi landai ke arah barat laut di mana pancuran emas atau dikenali sebagai mizab diletakkan.



PINTU Kaabah.

Pelbagai jenis bahan dan teknik digunakan di sepanjang sejarahnya. Kaabah pernah rosak dan runtuh dalam bencana banjir, kebakaran serta beberapa pertempuran sebelum mahupun selepas kedatangan Islam.



REKABENTUK binaan Kaabah yang diliputi dengan kain penutup *kiswah*.

SAW tidak mengubah reka bentuk Kaabah yang telah dibina sebelum itu.

Secara amnya, pada hari ini binaan Kaabah yang berbentuk kubus setinggi 15.24 meter (50 kaki) ini mempunyai beberapa bahagian utama, iaitu empat dinding yang rata, bumbung yang rata tetapi landai ke arah barat laut di mana pancuran emas atau dikenali sebagai mizab diletakkan, lantai marmar dan sebuah pintu setinggi 2.13 meter (7 kaki) yang digunakan untuk masuk dan keluar serta daun pintu yang berkunci.

Pada zaman dahulu pintu Kaabah diperbuat daripada kayu namun pada hari ini ia diperbuat daripada kayu bersalut emas tulen seberat 50 kilogram. Pintu Kaabah terletak setinggi 225 cm dari lantai dan memerlukan tangga mudah alih untuk memasuki pintu tersebut.

Bahagian dalamnya terdapat satu ruang kosong yang boleh dimasuki. Bahagian dalam Kaabah mempunyai sebatang tangga dan tiga tiang kayu yang menjadi penyokong kepada bahagian bumbung. Selain daripada struktur ini, ia dihiasi dengan gantungan lampu minyak yang diperbuat daripada emas dan perak yang banyak.

Bahagian dalam Kaabah ini dibersihkan oleh ahli keluarga pemerintah Mekah dua kali setahun, pertama pada Ramadan dan kedua pada Muharam. Bahan awal yang digunakan untuk membina Kaabah sebelum Islam seperti yang direkodkan dan dikenal pasti daripada kajian awal mendapati dibina daripada lapisan batu dan kayu.

Bahan ini dikatakan tidak mampu menahan struktur binaan ketika banjir melanda kawasan Mekah.

Pada zaman moden Kaabah direkodkan dibina dengan menggunakan batu yang digambarkan berwarna kelabu kebiruan yang didapati dari kawasan berbukit di sekitar Mekah. Bahagian bawahnya diperkuatkan dengan batu marmar setinggi 0.3 meter (satu kaki).

Antara empat sudut Kaabah, satu sudut yang sering mendapat perhatian umat Islam ialah sudut sebelah timur yang diberi nama *al-rukn al-ashwad*.

Setiap umat Islam yang mengerjakan haji dan umrah akan cuba untuk mencium atau menyentuh sejenis batu berwarna hitam yang dikenali sebagai *Hajarul-aswad* yang diletakkan di bahagian ini.

Batu *Hajarul-aswad* direkodkan terpecah kepada tiga bahagian

dalam satu kejadian kebakaran pada abad ke-7 Masihi.

Ketiga-tiga pecahan batu *Hajar al-Aswad* telah dicantumkan dalam bingkai perak dan diletakkan di tempat asalnya setelah binaan Kaabah siap oleh Abdullah bin az-Zubayr. Batu *Hajarul-aswad* digambarkan mempunyai warna merah kehitaman yang mempunyai bintik-bintik kecil halus berwarna merah dan kuning.

Reka bentuk Kaabah adalah amat ringkas dan dibina daripada bahan yang asas, namun tetap cantik dan menarik pada mata umat Islam yang berpeluang mengunjunginya.

Akhir sekali, binaan yang tidak pernah kosong daripada kunjungan umat Islam ini dihiasi dengan litupan kain penutup berwarna hitam khas yang dikenali sebagai *kiswah*. Ikuti artikel pada minggu hadapan berkaitan dengan *kiswah*.